

09/05/2004

Konsortium cari khazanah kapal `Flor De La Mar`

MELAKA: Kerajaan Pusat perlu membentuk satu konsortium bagi meneruskan usaha mendapatkan khazanah Melaka yang tenggelam bersama kapal `Flor De La Mar` di perairan Indonesia pada abad ke-15 Masihi.

Pengerusi Yayasan Penggerak Wawasan (YPW), Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, berkata konsortium boleh mewakili kerajaan Malaysia, Indonesia dan pakar yang boleh menemui khazanah itu.

Katanya, sebelum ini usaha pernah dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan kerjasama Presiden Suharto, tetapi ia kini tertangguh begitu saja apabila berlaku peralihan kuasa.

Sehubungan itu, katanya, surat mengenai perkara itu sudah dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi minggu ini supaya usaha itu dapat direalisasikan.

"Usaha ini amat penting kerana mempunyai nilai sejarah tersendiri. Kapal berkenaan ketika tenggelam sarat dengan muatan barangan berharga termasuk emas dan permata dari Kesultanan Melaka.

"Jika usaha ini berjaya dilakukan, ia akan mencatat sejarah baru mengenai sejarah dan tamadun Islam di rantau ini," katanya di sini, semalam.

Abdul Rahim berkata, setakat ini pakar yang berpusat di Eropah bersedia menjalankan ekspedisi itu berikutan penemuan 12 kapal tenggelam di perairan Indonesia.

"Soalnya sekarang, mana satu kapal Flor De La Mar dan ini memerlukan satu konsortium diwujudkan," katanya.

(END)